

Taman Tasik Titiwangsa bukan lagi lokasi riadah

Kuala Lumpur

Penduduk Taman Tasik Titiwangsa dekat sini melahirkan rasa bimbang dengan nasib perumahan didiami mereka kini semakin dipenuhi dengan penjaja yang didakwa tidak mempunyai lesen berniaga di tepi Jalan Kuantan selain wujudnya stor haram di Lorong Titiwangsa 7.

Dakwa mereka, penjaja haram yang menjual makanan di tepi Jalan Kuantan menyebabkan kacau ganggu.

Antaranya memabatkan pembuangan sampah sehingga mendatangkan pencemaran bau selain kesesakan jalan raya terutamanya pada hujung minggu.

Penduduk Taman Tasik Titiwangsa, Laif Ahmad Faisal, 50, berkata, sampah ditinggalkan merata-rata dan ia menjejaskan kebersihan kawasan kediaman berkenaan.

"Mereka ini sesuka hati berniaga di tepi jalan seperti perniagaan kenderaan saji. Pada awal pagi, selepas berniaga malam itu, sampah ditinggalkan merata-rata seperti di dalam longkang."

"Ia bukan saja menyakitkan mata, malah menyebabkan pencemaran bau," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Laif menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya mengambil tindakan terhadap penjaja haram yang berniaga di kawasan ini kerana ia tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kami mahu tindakan diambil (oleh DBKL) untuk mengekalkan kawasan ini sebagai kawasan perumahan dan bukannya kawasan



PENDUDUK Taman Tasik Titiwangsa resah peniaga menggunakan tapak parkir untuk berniaga. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

Gesa DBKL siasat aduan penduduk

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diminta menyiasat aduan dikemukakan penduduk Taman Tasik Titiwangsa, dekat sini, berkaitan kawasan kediaman mereka semakin dipenuhi penjaja tidak berlesen yang berniaga di tepi Jalan Kuantan.



DR Zaliha

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, tindakan sewajarnya akan diambil susulan isu terbabit.

"Tujuan asal

Taman Tasik Titiwangsa adalah untuk aktiviti riadah penduduk. Saya akan minta DBKL untuk siasat perkara ini dan ambil tindakan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas aduan penduduk Taman Tasik Titiwangsa yang melahirkan rasa bimbang dengan nasib perumahan didiami mereka kini semakin dipenuhi dengan penjaja yang didakwa tiada lesen perniagaan selain wujudnya stor haram di Lorong Titiwangsa 7.

Dakwa penduduk, penjaja terbabit bukan saja menyebabkan kacau ganggu, antaranya daripada segi pembuangan sampah, malah menyebabkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada hujung minggu.

untuk perniagaan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Monica Rajaindren, 47, me-

ngatakan yang sikap penjaja berniaga di tepi jalan selain pengunjung memarkir kenderaan di merata

tempat menyebabkan kesesakan teruk, terutamanya pada malam di hujung minggu.

Monica turut bimbang kerana perkara terbabit mungkin mendatangkan risiko kepada individu yang memerlukan rawatan kecemasan seperti ibunya yang berumur 80 tahun.

"Saya bimbang jika berlaku perkara tidak diingini terhadap ibu. Saya perlukan kira-kira 40 minit untuk ke rumah ibu memandangkan kawasan ini kerap sesak akibat kehadiran peniaga serta pengunjung."

"Jika berlaku perkara tidak diingini, bagaimana ambulans akan masuk ke kawasan ini memandangkan jalan sesak. Perkara seperti ini perlu diberi perhatian," katanya.

Kata Monica, pada hujung minggu, dia turut mengalami kesukaran untuk sampai ke rumah disebabkan sikap pengunjung yang

memarkir kenderaan secara merata-rata dan menghalang laluan di sepanjang Jalan Kuantan.

"Adakalanya saya terpaksa memarkir di lokasi yang agak jauh dari rumah kerana sikap peniaga serta pengunjung."

"Inilah nasib penduduk di sini. Apa yang kami mahu adalah jalan yang tidak sesak untuk ke rumah," katanya.

Bagi Wan Ziad Ariff, 40, dia menggesa DBKL mengambil tindakan terhadap pembinaan stor haram di Lorong Titiwangsa 7 yang tidak jauh dari rumahnya.

"Sampah di hadapan stor juga dibiarkan berlonggok," katanya.

Dakwanya, stor haram itu pernah dikenakan notis oleh DBKL namun ia beroperasi semula tidak lama kemudian.

